

PM: Akhbar berpotensi bertahan jika kekal integriti

Oleh **SAYED HESHAM IDRIS**
utusannews@mediamulia.com.my

IPOH: Surat khabar tetap mempunyai peranan penting menyalurkan maklumat dan berpotensi bertahan jika mengekalkan mutu dan integritinya, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, walaupun media sosial kini mengambil alih peranan akhbar fizikal, beliau berpandangan surat khabar mempunyai peranan yang lebih tinggi dan wajar berbanding media sosial.

“Saya masih mewakili pemikiran lama, saya masih setiap hari selain melihat sedikit perkembangan di media sosial. Saya masih wajib membaca surat khabar setiap hari,” katanya ketika berucap merasmikan majlis kemuncak Hari Wartawan Nasional (Hawana) di sebuah hotel di Meru, di sini semalam.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil dan Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad.

Dalam pada itu, Anwar menegaskan, media harus bebas sepenuhnya daripada sebarang pengaruh dan menegaskan beliau sedia menerima kritikan



ANWAR Ibrahim menyampaikan anugerah Hawana 2023 kepada Datuk Lat di Ipoh semalam. - UTUSAN/MUHAMAD NAZREEN SYAH MUSTHAFA

daripada media.

Menurutnya, kerajaan sedia ‘bertempur’ terhadap mana-mana kritikan oleh media dengan mengemukakan hujah jika terdapat kelemahan dalam pentadbiran.

“Kerajaan membuat keputusan yang jelas bahawa media harus Malaysia harus bebas sepenuhnya.

“Kritikan (oleh media) terhadap Perdana Menteri dan kepimpinan, boleh, diharuskan dan (kritikan) tidak seharusnya

timbulkan rasa cemas (kepada kerajaan).

“Kalau benar (kerajaan) ada kelemahan, saya mohon maaf dan kita sedia lakukan perubahan,” katanya.

Anwar berkata, sejarah kewartawanan di negara ini membuktikan golongan itu juga sebenarnya adalah pengasas idea, pencetus semangat kemerdekaan dan menyemai benih kesedaran.

Menurutnya, dalam kalangan pembaharu Islam termasuk Zaaba, Sheikh Tahir dan lain-

lain, yang membawa perubahan juga tokoh-tokoh kebangsaan yang besar lain seperti Tan Sri A. Samad Ismail, Usman Awang, Keris Mas juga adalah pemain utama dalam menjayakan akhbar *Utusan Melayu* dan kemudiannya berkembang.

Beliau berkata, sewaktu berlaku mogok di Utusan pada tahun 1961, peristiwa itu menjadi pencetus mengenai kesedaran kebangsaan yang mahu mempertahankan kebebasan media sebagai suara dan hati orang yang tidak mahu dibelenggu oleh pemerintah.

“Berlaku mogok di Utusan, satu sejarah tragis bagi wartawan, kemudian apabila wartawan cuba memberi teguran dan kritikan, akhbar *The Star* diharamkan.

“Pengalaman ini menunjukkan perjuangan dalam kalangan wartawan yang mempunyai idea, prinsip dan nilai tidak semestinya mudah. Jadi saya dan rakan-rakan dan pimpinan kerajaan sekarang membuat keputusan yang sangat jelas bahawa media di Malaysia harus bebas sepenuhnya,” katanya.

Dalam majlis sama, Datuk Mohd Nor Khalid atau Datuk Lat, 72, menerima Anugerah Hawana 2023 dan menerima wang tunai RM10,000.